

35

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini berhubung kerjasama NBOS antara Kementerian dan agensi berkaitan dalam usaha menambah baik Institusi Pendidikan Tahfiz di negara ini.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah Tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras

dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu aspek pengurusan sekolah berkenaan adalah berada dibawah kawalan pihak berkuasa agama negeri berkenaan.

Namun demikian Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha menambahbaik pengurusan serta membantu perkembangan sekolah tersebut khususnya dengan penubuhan High Level Committee (HLC) mengenai Pasukan Petugas Sekolah-Sekolah Tahfiz yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat *High Level Committee (HLC)* mengenai Pasukan Petugas Sekolah-Sekolah Tahfiz yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 19 September 2017 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 7 orang menteri iaitu;

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. Menteri Pendidikan
3. Menteri Wilayah Persekutuan
4. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
6. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
7. Menteri Pendidikan Tinggi

Keputusan berikut telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut:

- 37
- i. supaya Keputusan Mesyuarat HLC dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan seterusnya dibentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri;
 - ii. supaya Akta Pendidikan 1996 diteliti semula untuk tujuan pindaan bagi membolehkan semua sekolah tahfiz di seluruh negara didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan dengan tidak menjejaskan bidangkuasa pihak negeri;
 - iii. supaya dijalankan audit keselamatan fizikal dan pemantauan ke atas sekolah-sekolah tahfiz persendirian;
 - iv. supaya Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, pihak berkuasa Bomba dan Penyelamat Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan Malaysian Association of Facility Management mengadakan kempen kesedaran keselamatan fizikal supaya piawaian keselamatan dan kesihatan setiap premis serta penghuni tahfiz dipatuhi;
 - v. supaya isu keselamatan di sekolah-sekolah tahfiz tidak dihadkan kepada isu keselamatan fizikal sahaja bahkan perlu merangkumi isu-isu berkaitan kurikulum dan guru bagi mengelakan penyebaran ideologi negatif, isu masa depan pelajar lepasan sekolah tahfiz, peralatan uzur dan perundangan di antara kuasa Persekutuan dan negeri;
 - vi. supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Tinggi bersama-sama membantu dari segi menaik taraf fasiliti sekolah-sekolah tahfiz persendirian di seluruh negara: dan

- vii. supaya Pasukan Petugas Sekolah-sekolah Tahfiz diwujudkan secara kekal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilantik selaku sekretariat Pasukan Petugas tersebut.

Kerjasama erat beberapa kementerian dan agensi juga dilakukan bagi menambah baik institusi tahfiz seperti kerjasama JAKIM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembinaan kurikulum dan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan bagi latihan keselamatan dan kesihatan kepada pentadbir sekolah tahfiz.

Sekian, terima kasih.